

# Kaji pelaksanaan Gap Year

KPT rangka pelbagai program bagi mewujudkan universiti tempatan, graduan berkelas dunia

**KAMPUNG RAJA** — Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merangka pelbagai program bagi mewujudkan universiti tempatan dan graduan berkelas dunia termasuk mengkaji pelaksanaan program *Gap Year*.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sekiranya program *Gap Year* dilaksanakan, ia bakal melahirkan graduan yang mantap dan lebih berkualiti sebagai menemuhi keperluan industri pekerjaan.

Menurutnya, melalui program ini, universiti memberi kelogaran kepada pelajar mereka menangguhkan sementara pengajian untuk tempoh dijangka setahun yang boleh diisi dengan aktiviti sukarelawan dan keusahawanan.

"Dalam tempoh itu, pelajar boleh menjadi sukarelawan di dalam mahupun luar negara atau mendalamidi bidaung-bidaung tertentu yang mempunyai kait-



Idris (tengah) menunjukkan buku yang dihasilkan pensyarah UniSZA mengenai seni dan rasa di Kampung Raja, kelmarin.

an dengan pengajian termasuk pentadbiran dan keusahawanan," katanya,

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Komuniti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Warisan dan Rasa di pekarangan Kompleks Desa Ukiran Kayu Istana Tengku

Long, di sini.

Hadir sama, Adun Kota Putera, Mohd Mahdi Musa dan Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Zubaidi Abdul Latif.

Idris yang juga Ahli Parlimen Besut berkata, program tersebut dijangka dilaksanakan dalam masa ter-

dekat dan semua penuntut boleh memohon tanpa mengira jurusan diambil.

"Penuntut terlibat dalam program itu akan digalakkan menyertai kerja sukarela bersama beberapa agensi kerajaan seperti polis, imigresen dan kastam.

"Penyertaan mereka da-

lam aktiviti seumpama itu tidak akan menjadikan prestasi akademik mereka kerana bidang yang diceburi itu nanti akan menambahkan lagi pengetahuan bekerja seperti penuntut dari Fakulti Pentadbiran Awam atau Undang-Undang," katanya.

Katanya, KPT turut me-

lakukan pelbagai kajian termasuk pelajar universiti dedahkan dengan latihan amali atau lapangan sejak daripada awal pengajian lagi bagi memastikan pelajar berkualiti.

Sementara itu Zubaidi berkata, UniSZA menganjurkan program komuniti itu bagi membantu mengembangkan kesenian yang terdapat di daerah ini agar ia tidak pupus.

Menurutnya, pensyarah UniSZA telah menghasilkan dua buah buku berkaitan seni dan rasa yang terdapat di sini untuk rujukan sehingga generasi seterusnya.

"Kami membawa bersama inovasi yang dihasilkan pensyarah untuk dimanfaatkan oleh komuniti.

"Program ini menyahut kelangsungan saranan Datuk Seri Idris Jusoh agar program komuniti dilaksanakan antara universiti dengan masyarakat setempat selaras dengan transformasi perkongsian pintar," katanya.